

BUMBUNG HOTEL AVILLION RUNTUH

FOTO ADZIAN SIDEK/BH



Siling bumbung bilik di Hotel Avillion Port Dickson yang runtuh, malam kelmarin.

Letupan tangki alat pemanas air disebabkan runtuhan

Port Dickson: Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) mengesahkan runtuhan bumbung, siling dan dinding bilik di Hotel Avillion Port Dickson di sini, semalam, berpunca daripada letupan tangki alat pemanas air.

Pengarah JBPM Negeri Sembilan, Norazam Khamis, berkata pihaknya sudah melengkapkan siasatan dan laporannya sudah diberikan kepada pengurusan hotel terbabit untuk tindakan lanjut.

"Tangki alat pemanas air yang terletak di bahagian atas siling bilik air di unit berkenaan meletup dipercayai disebabkan kerosakan teknikal, sekali gus menjadi punca runtuhan terbabit," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pasangan cedera

Dalam kejadian jam 4.15 pagi semalam, pasangan suami isteri masing-masing berusia 52 dan 51 tahun cedera ringan, manakala anak perempuan berusia 27 selamat apabila bumbung dan siling bilik di tingkat enam itu runtuh.

Pintu dan tingkap kaca unit disewa keluarga itu juga pecah, manakala dua kereta di bawah blok terbabit rosak dihempap serpihan runtuhan berkenaan.

Norazam berkata, bangunan terbabit, termasuk unit lain yang berada di tingkat sama dengan bilik yang terjejas, sudah disahkan selamat untuk diduduki.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan hotel itu, Robert Lee, berkata pihaknya sudah menjalankan pemeriksaan menyeluruh sistem pemanas air hotel berkenaan dan mendapati semuanya berfungsi dengan baik.

"Blok bangunan menempatkan bilik yang terjejas itu bagaimanapun masih ditutup untuk kerja penyelenggaraan dan pembersihan," katanya ketika ditemui di sini semalam.